

PENGENALAN

Industri wangian, perisa, kosmetik dan mandian, sebatian bernilai tinggi, farmaseutikal, dan aromaterapi sangat bergantung kepada minyak pati (MP) mentah dari sumber tumbuhan aroma, fraksi dan pisahan MP, produk modifikasi-kimia pisahan MP, serta sintesis "pisahan MP" dari bahan berasas-petrokimia. Negara maju membeli dengan murah MP mentah dari negara membangun untuk diproses dan menjual semula pelbagai produk tersebut dengan harga yang jauh lebih tinggi. Potensi kenaikan harga minyak bakar serta prospek kehabisannya menyebabkan dunia terpaksa bergantung kepada MP dari sumber tumbuhan aroma yang boleh ditanam semula untuk kegunaan masa depan bagi keperluan di atas. Bengkel ini diharap dapat membuka peluang dan mencetus minat dalam pemrosesan MP dan analisis produk secara yang lebih sistematik yang akan membawa kepada kaedah penghasilan secara komersial, peningkatan kemahiran dan menambahkan tenaga mahir dalam bidang yang berkaitan.

KANDUNGAN BENGKEL

Bengkel secara "hands on" ini bermula dengan lawatan sehari ke pusat perkhidmatan penyulingan skala-besar MP di stesyen MARDI Kuala Linggi, Negeri Sembilan untuk meninjau penghasilan MP mentah secara penyulingan stim. Sesi kedua pula akan membabitkan kerja makmal selama 2 hari mengenai pemisahan dan penulenan komponen utama minyak daun-cengkih, pokok kapas dan serai wangi; modifikasi-kimia pisahan MP; serta analisis produk. Antara kaedah analisis produk adalah menggunakan kromatografi-gas dua-dimensi yang diganding dengan spektrometri jisim masa-penerbangan bagi mengenalpastian puncak dan spektroskopi resonans magnet nukleus.

PESERTA

Bengkel ini terbuka kepada mereka yang terlibat dalam industri pengeluaran minyak pati, penyelidik sebatian semula jadi dan sintesis sebatian organik/semula jadi, tenaga pengajar Kolej Matrikulasi/IPTA/IPTS, serta mereka yang berminat daripada agensi kerajaan dan swasta.

PENGENDALI

Bengkel ini akan dikendalikan oleh **Profesor Emeritus Dr. Hardjono Sastrohamidjojo**, salah seorang Anggota Kelompok Kerja Kebangsaan Minyak Pati Indonesia dari

Universitas Islam Indonesia, Yogyakarta. Beliau seorang pakar dalam bidang minyak pati dan mempunyai pengalaman yang luas dalam penyelidikan minyak pati, pengkomersialan dan perkembangan hasil penyelidikan melalui kerjasama rapat dengan industri dan pengeluar minyak pati dari masyarakat desa. Bengkel ini dibantu oleh Profesor Madya Wan Yaacob Wan Ahmad dari UKM.

YURAN PENYERTAAN

Bayaran penyertaan **RM500** seorang (yuran termasuk nota bengkel, sijil, minum pagi, makan tengahari dan minum petang).

Pendaftaran boleh dibuat kepada urusetia melalui telefon, faks atau e-mel.

Pembayaran yuran melalui cek hendaklah dibuat atas nama "**Bendahari Universiti Kebangsaan Malaysia**" dan diserahkan semasa pendaftaran kepada:

Urusetia,

Bengkel Pemrosesan Minyak Pati dan Analisis Produk,
Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan,
Fakulti Sains dan Teknologi,
43600 UKM, Bangi, Selangor Darul Ehsan.
(u/p: Cik Nur Hidayah Deris)
Tel: 03-89213993 / 5424
Faks: 03-8921 5410
e-mel: nhidayah@ukm.my

TEMPAT

Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan,
Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan
Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

ATURCARA BENGKEL

2 Jun 2009 (Selasa)

8.00 – 8.30 Pendaftaran/Minum pagi
8.45 Bertolak ke MARDI Kuala Linggi
11.00 – Petang Lawatan ke pusat penghasilan minyak pati MARDI, Kuala Linggi, Negeri Sembilan.
- Lawatan ke Galeri
- Lawatan ke Tempat Pengeringan Suria

- Lawatan ke Kilang Penyulingan Minyak Pati
- Lawatan ke Alat Penyulingan Berperingkat
- Lawatan ke Kilang Produk Sabun Herba dan Aromaterapi
- Lawatan ke Ladang "Tea Tree", Nilam, Serai Makan/Wangi, Kayu Manis dan Gelam.

3 Jun 2009 (Rabu)

8.30 - 9.00 Minum pagi
9.00 - 12.30 **Makmal 1:**
Pemisahan dan penulenan eugenol dari minyak daun-cengkih serta tindak balas pemetilannya.
12.30 - 2.30 Makan tengahari/Rehat
2.30 - 5.00 **Makmal 2:**
Pemisahan dan penulenan metil salisilat dari minyak pokok kapas serta tindak balas penyabunannya.
5.00 Minum petang/Bersurai

4 Jun 2009 (Khamis)

8.30 - 9.00 Minum pagi
9.00 - 12.30 **Makmal 3:**
Pemisahan rodinol dari minyak serai wangi serta pengoksidaan geraniol (dari rodinol) dengan aluminium isopropoksida.
12.30 - 2.30 Makan tengahari/Rehat
2.30 - 4.00 **Makmal 4:**
Analisis produk secara kromatografi gas dan kaedah spektroskopi.
4.00 - 4.30 Penyampaian sijil/Penutup
4.30 - 5.00 Minum petang/Bersurai

BORANG PENYERTAAN

**BENGKEL
PEMROSESAN MINYAK PATI
DAN ANALISIS PRODUK
2-4 JUN 2009**

Nama :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Telefon (Pejabat) :

Telefon Bimbit :

No. Faks :

E-mel :

Tarikh :

No.Cek / Draf :

UKM Luar UKM

Tandatangan :

- * Tarikh tutup: 22 Mei 2009
- * Sebarang penarikan diri dari bengkel hendaklah dibuat seminggu sebelum bengkel bermula
- * Sila bawa baju makmal

PENGINAPAN

Sila berurusan terus bagi tujuan penginapan

Rumah Tamu, Ungku Omar, UKM
03-8921 3114

Puri Pujangga, UKM
03-8921 3361

NIOSH, Bangi
03-8769 2100

Hotel Equatorial Bangi
03-8210 2222

Hotel Oriental Crystal
03-8739 1888

Prescott Metro Inn, Kajang
03-8737 5555

AJK PENGANJUR

Penasihat

Prof. Madya Dr. Jumat Salimon

Pengerusi

Prof. Madya Wan Yaacob Wan Ahmad

Pengerusi Bersama

Prof. Madya Dr. Mohamed Rozali Othman

Setiasaha

Cik Nur Hidayah Deris

Bendahari

Pn. Nor Fauziana Abdul Aziz

Teknikal

Hj. Mohd Nor Ibrahim
En. Mohd Yusof Samah
En. Mohd. Tarhim Suhari
Pn. Azwin Suryani Amran

BENGKEL PEMROSESAN MINYAK PATI

**DAN
ANALISIS PRODUK
2-4 JUN 2009**



Anjuran

**Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan,
Fakulti Sains dan Teknologi,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan.**

dengan kerjasama

**Program Studi Ilmu Kimia,
Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam,
Universitas Islam Indonesia,
Yogyakarta.**

